




PERINGKAT PENGAJIAN DAN PENDEKATANNYA

Pendidikan formal di Malaysia lazimnya bermula pada usia kanak-kanak yang tidak kurang daripada enam tahun usianya. Pendidikan ini disebut sebagai darjah satu hingga kanak-kanak ini mencapai usia 12 tahun. Tempoh enam tahun ini dikenali sebagai tahap pendidikan rendah.

Setelah tamat pendidikan rendah, kanak-kanak mengikuti pendidikan menengah pada usia sekitar 13 hingga 18 belas tahun, iaitu dalam tempoh lima tahun atau lebih. Pendidikan Menengah ini bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima atau enam rendah bagi sebilangan kecil pelajar.

Selepas tamat pendidikan menengah, mereka yang mula memasuki alam remaja memilih untuk membuat haluan sendiri sama ada dengan mencari pekerjaan atau meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Jika memilih haluan yang kedua, para remaja ini akan memilih sama ada dengan memasuki tingkatan enam selama dua tahun sebagai persediaan ke universiti atau menyertai kolej yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Para remaja yang memilih pergi ke kolej atau institusi pengajian tinggi selalunya terus mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan minat masing-masing selepas tamat pengajian. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada lulusan kolej ini memilih untuk meneruskan pelajaran hingga ke peringkat universiti untuk mendapatkan kelulusan akademik yang lebih tinggi.



Rajah 1 Peringkat Pendidikan Sekolah Formal di Malaysia.

Peringkat Pendidikan dalam Masyarakat Malaysia

Pada umumnya, pendidikan di negara ini terbahagi kepada beberapa peringkat mengikut struktur yang mudah difahami. Rajah 1 menjelaskan peringkat-peringkat yang dimaksudkan itu. Peringkat paling bawah ialah prasekolah yang membawa maksud sebelum kanak-kanak itu memasuki sekolah. Peringkat ini bermula seawal usia tiga atau empat tahun dengan pelbagai sebutan seperti Taman Didikan Kanak-kanak atau Taman Bimbingan Kanak-kanak. Pada peringkat prasekolah pembelajaran tidak terlalu formal kerana tujuan utama hanya untuk memberikan orientasi kepada kanak-kanak dan membiasakan mereka bergaul dan berkawan supaya mereka tidak terkejut apabila memasuki ke alam persekolahan sekolah rendah kelak. Sepanjang tempoh prasekolah, kanak-kanak diperkenalkan dengan cibit-cibit persekolahan, selain proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebaik-baik sahaja mencapai usia enam tahun atau lebih pada 1 hari bulan Januari, mereka mula masuk ke darjah satu peringkat sekolah rendah.

Pendidikan formal bermula di sini. Pada akhir tahun, kanak-kanak ini dinaikkan ke darjah yang berikutnya tanpa ada sekatan. Kanak-kanak ini berada pada tahun satu sekolah rendah hingga tahun enam, sekolah rendah. Ertinya kanak-kanak berada pada peringkat sekolah rendah selama enam tahun. Pada akhir tahun enam, kanak-kanak ini pasti menjangkau usia 12 tahun atau lebih.

Peringkat Sekolah Menengah Rendah

Bermula daripada usia 13 tahun dan setelah tamat pendidikan sekolah rendah, kanak-kanak mula memasuki alam persekolahan peringkat menengah. Pendidikan peringkat menengah ini bermula semasa kanak-kanak berusia 13 tahun hingga sekitar usia 16 tahun dan dikenali sebagai menengah rendah. Ada peperiksaan penting pada peringkat akhir menengah rendah, tetapi tidaklah terlalu penting kerana jika tidak lulus atau memperoleh kelulusan rendah pelajar berkenaan masih boleh meneruskan pelajaran sehingga mereka berusia 18 tahun atau lebih.

Pendidikan Sekolah Menengah Peringkat Tinggi

Setelah tamat tingkatan tiga, pelajar memulakan pengajian dalam tingkatan empat dan tingkatan lima. Tempoh dua tahun ini sangat penting kepada pelajar kerana mereka perlu membuat persediaan untuk kehidupan yang lebih mencabar. Lapan tingkatan lima akan membuat keputusan sama ada meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau mencari pekerjaan dan keluar ke tengah-tengah masyarakat untuk meneruskan kehidupan masing-masing sebagai warganegara yang berpendidikan.

Pelajar yang memilih untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi kebiasaannya akan menyambung pengajian ke tingkatan enam rendah atau memasuki kolej yang sedia ada di seluruh negara. Selepas tingkatan 6 rendah, pelajar akan memasuki ke tingkatan 6 atas yang dikenali sebagai prauniversiti. Sebenarnya, peringkat ini dikenali sebagai sempadan antara pendidikan peringkat rendah yang diperolehi pada peringkat sekolah (*tertiary education*) dengan peringkat tinggi yang bakal dicapainya melalui kolej atau universiti.

Kesimpulannya, hal ini menjelaskan bahawa pada umumnya pendidikan peringkat sekolah bermula dari prasekolah tatkala kanak-kanak berusia sekitar empat hingga enam tahun. Setelah kanak-kanak mencecah usia enam tahun atau lebih, kanak-kanak ini memasuki sekolah rendah hingga berusia 12 tahun atau lebih. Setelah mencapai usia 12 tahun, kanak-kanak ini mula memasuki alam remaja. Perubahan fizikal ini diikuti oleh perubahan tahap pendidikan apabila remaja ini memasuki tingkatan satu Sekolah Menengah Rendah selama tiga tahun. Pada akhir tempoh tiga tahun itu, remaja diberi ujian penting untuk menilai prestasi dan pencapaian akademiknya. Akan tetapi, ujian ini tidak terlalu mustahak sehingga boleh menghalang persekolahannya. Remaja ini tetap boleh meneruskan pengajiannya ke peringkat sekolah menengah, iaitu tingkatan empat dan tingkatan lima.

Pada peringkat akhir tingkatan lima, ada satu ujian lagi yang dianggap sebagai sangat penting. Pencapaian dalam ujian ini akan menentukan hala tuju pelajar berkenaan sama ada akan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau mencari kerjaya yang sesuai baginya.

Pendidikan Tinggi Malaysia

Pendidikan tinggi bermula selepas pendidikan pada peringkat sekolah, iaitu prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah termasuk tingkatan enam rendah. Pendidikan tinggi meliputi lima peringkat, iaitu sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah seperti dalam Rajah 2. Bagi mendapatkan kelulusan peringkat sijil, seseorang itu mengambil masa antara setahun hingga dua tahun belajar di universiti, kolej atau institusi pendidikan. Dengan memiliki sebuah sijil, seseorang itu sudah boleh mencari pekerjaan untuk menyara diri dan keluarganya.

Kebanyakan orang merasakan kelulusan pada peringkat sijil sahaja tidak berbaloi, sebaliknya perlu mendapatkan kelulusan yang lebih tinggi daripada itu. Bagi merealisasikan cita-cita ini, mereka meneruskan pembelajaran ke peringkat kedua, iaitu diploma. Dengan memiliki sijil, seseorang itu mengambil masa selama lapan hingga 12 bulan untuk mendapatkan diploma. Namun begitu, ada pihak yang berkelulusan diploma tidak puas hati setakat diploma sahaja sebaliknya mereka mahu meneruskan

pengajian pada peringkat yang lebih tinggi, iaitu sarjana muda dalam apa-apa jua bidang pendidikan yang mereka minati. Bagi pihak yang sudah memiliki diploma, tempoh dua tahun diperlukan untuk mencapai kelulusan peringkat sarjana muda.

Pada kebiasaannya, kebanyakan siswazah belajar sampai ke peringkat sarjana muda sahaja. Pada peringkat ini, mereka mencari pekerjaan tetap untuk meneruskan kehidupan yang lebih stabil. Semasa bekerja, mungkin mereka disyaratkan untuk menghadiri kursus atau latihan dalam perkhidmatan tetapi bukan untuk mencapai kelulusan yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, masih ada sebahagian daripada mereka yang berminat untuk meneruskan kerjaya dalam bidang akademik khususnya pensyarah di pusat pengajian tinggi

seperti kolej, politeknik, universiti dan institusi penyelidikan. Bagi kumpulan ini, kelulusan peringkat sarjana muda sahaja tidak mencukupi. Mereka harus dan digalakkan mencapai kelulusan yang lebih tinggi.

Kelulusan seterusnya ialah pada peringkat keempat, iaitu sarjana. Ijazah sarjana boleh dicapai dalam tempoh masa setahun atau sembilan bulan bergantung pada mata pelajaran yang diikuti oleh seseorang itu. Memiliki kelulusan sarjana dalam pelbagai bidang pengajian, membolehkan kumpulan ini meneruskan kerjaya mereka dengan lebih selesa dan stabil menerusi pendapatan yang membanggakan.

Namun begitu, bagi orang-orang yang berawasan, tinggi motivasi dan yang beranggapan bahawa menuntut ilmu itu tidak ada hadnya, maka kelulusan pada peringkat sarjana sahaja masih belum mencukupi. Sebaliknya masih ada ruang yang mesti diterokai untuk melengkapkan diri sebagai seorang ahli akademik yang cemerlang. Ruang yang dimaksudkan ini ialah peringkat kelima, iaitu kemuncak kelulusan akademik yang kebarangkalian boleh dicapai oleh sesiapa jua yang benar-benar berikhtiar, berusaha, berdoa dan berkeyakinan untuk berjaya.

Peringkat kelima kelulusan akademik di atas muka bumi ini ialah doktor falsafah atau "doktorat". Kelulusan ini merupakan peringkat yang paling tinggi di dunia dicapai menerusi usaha sendiri.



Pencapaian dalam peperiksaan akan menentukan hala tuju pelajar sama ada akan meneruskan pengajian atau kecenderungan untuk terus bekerja.




Kelulusan Doktor Falsafah

Ijazah doktor falsafah merupakan peringkat kelulusan akademik selepas kelulusan peringkat sarjana. Pada umumnya, ijazah ini diperoleh oleh seseorang yang telah mencapai kelulusan sarjana. Walaupun begitu, dalam beberapa keadaan yang luar biasa, ada juga para akademik yang memperoleh kelulusan peringkat doktor falsafah tanpa melalui kelulusan sarjana, tetapi bilangannya adalah kecil. Prosedur mendapatkan kelulusan doktor falsafah sangat rumit. Seseorang yang bercita-cita mencapai kelulusan akademik pada peringkat doktor falsafah terpaksa melalui pelbagai rintangan, kesukaran, tekanan mental, moral, emosi, cabaran masa, kewangan, silibus serta sikap kerja yang sukar difahami dan ditangani.

Pendekatan Mencapai Kelulusan Peringkat Doktor Falsafah

Terdapat dua pendekatan dalam mencapai kelulusan peringkat doktor falsafah. Pendekatan yang pertama ialah melalui *Doctor of Philosophy*. Catatan huruf ringkasnya bermacam-macam, iaitu PhD; Ph. D.; DPhil; dan D. Phil. Perbezaan ini bergantung pada budi bicara dari universiti


yang berkenaan. Dalam bahasa Inggeris, *philosophy* membawa erti *love of wisdom*. Orientasi *Doctor of Philosophy* adalah belajar, mengajar dan menyelidik. Pelajar universiti yang mahu mencapai kelulusan peringkat doktor falsafah menumpukan masa dan usaha mereka dengan belajar dan membuat penyelidikan. Usaha paling utama ialah belajar dan membuat penyelidikan. Hasil penyelidikan itu dijelmakan dalam sebuah disertasi atau tesis. Para lulusan doktor falsafah atau *Doctor of Philosophy* ialah pakar dalam mengajar dan menyelidik, yakni masanya banyak digunakan untuk membuat penyelidikan dalam disiplin tertentu.



Seseorang pelajar perlu kuat menghadapi rintangan dalam usaha memperoleh kejayaan pada masa depan.

Prosedur *internship* pula dijelaskan dengan satu proses yang sempurna, iaitu dikawal oleh penyelia terdiri daripada profesor yang berkaliber dan berintegriti. Manakala hasil penyelidikan yang dijalani oleh siswa/siswi pula dibuktikan oleh pembentangan sebuah disertasi yang bermutu dan diterima oleh universiti yang menganjurkan program doktor falsafah tersebut. Pelajar universiti yang menjalani program kedoktoran profesional mesti berada di universiti berkenaan tidak kurang 15 bulan daripada tempoh 36 bulan yang disyaratkan untuk menyempurnakan kerja kursus mereka.

Ironinya, hal ini sangat mustahak diperjelaskan bahawa pendidikan tinggi itu membawa maksud pembelajaran dan pengajaran yang bermula selepas tamat pembelajaran dan pengajaran pada peringkat sekolah menengah sama ada sekolah kerajaan, bantuan kerajaan atau bersendirian. Pendidikan tinggi bermula daripada kelulusan sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah dalam apa-apa jua bidang atau disiplin. Kelulusan paling rendah pendidikan tinggi ialah sijil dan paling tinggi ialah doktor falsafah. Begitulah urutan yang dimaksudkan pendidikan tinggi dalam kebanyakan masyarakat di atas muka bumi ini. Jika ada perbezaan itu, cuma satu variasi kecil sahaja yang tidak menampakkan perubahan maksudnya yang sebenar.



Rajah 2 Peringkat Pendidikan Tinggi di Malaysia.

Profesor Dr. Riza Sulaiman, Fellow Penyelidik Kanan di Institut IR4.0, Universiti Kebangsaan Malaysia.